

PM tetap berperanan dalam panel MSC — Abdullah

UM - 6 SEP 2003

CYBERJAYA 5 Sept. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tetap akan mempunyai peranan dalam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) walaupun setelah beliau bersara.

Bagaimanapun peranan khusus Dr. Mahathir itu hanya akan ditentukan setelah perbincangan dengannya diadakan, kata Abdullah.

Menurut beliau, Dr. Mahathir mempunyai minat yang sangat tinggi dalam perbincangan-perbincangan berkaitan kemajuan teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti ini.

"Secara khusus apakah peranan dia (Dr. Mahathir), akan kita bincang tetapi mengenai penglibatannya, insya-Allah akan ada. Apakah bentuk penglibatan akan diputuskan," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan 10 ahli IAP sempena mesyuarat panel penasihat itu di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Dr. Mahathir hari ini menyatakan kesediaan untuk terus memberikan sumbangan dalam IAP setelah melepaskan jawatan Perdana Menteri Oktober depan sekiranya khidmat beliau diperlukan.

Menurut Abdullah, semua pihak menunjukkan rasa gembira dengan kesediaan Dr. Mahathir untuk terus terbabit dalam usaha memajukan MSC.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan bahawa beliau akan terus memajukan MSC memandangkan kepentingan bidang ICT kepada sektor ekonomi negara.

Ahli-ahli IAP dalam pertemuan itu, jelasnya, telah menyatakan harapan masing-masing agar beliau terus usaha memberikan perhatian utama dan komitmen yang tinggi dalam memajukan MSC apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

"Saya katakan kepada mereka bahawa

IT ini pada saya adalah satu program cukup penting untuk masa depan dalam bidang ekonomi.

"Mereka menyambut baik dan turut menyatakan komitmen mereka untuk menjayakan MSC adalah tetap sama. Ini bermakna apabila saya mempengerusikan IAP tahun depan, mereka akan tetap ada," jelasnya.

Abdullah juga berkata, semua ahli IAP terbabit turut menyatakan kekaguman mereka dengan perkembangan MSC yang sekali gus membuktikan komitmen Kerajaan Malaysia menerusi kepimpinan Dr. Mahathir untuk memajukan bidang ICT di negara ini.

Jumlah syarikat yang jauh lebih tinggi dan melebihi daripada sasaran untuk terlibat sama dalam MSC membuktikan usaha Malaysia itu mendapat sambutan daripada syarikat dalam mahupun luar negara.

Kesediaan

Katanya, syarikat-syarikat antarabangsa itu juga menyatakan kesediaan mereka untuk mengembangkan lebih luas lagi operasi di Malaysia dengan memberi keutamaan kepada tenaga pekerja tempatan terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Mengenai visinya dalam bidang ICT, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau mahu melihat kemajuan sektor pendidikan dalam bidang itu selain keberkesanan masyarakat elektronik dan kerajaan elektronik.

Jelasnya, generasi akan datang perlu menguasai bidang ICT di sekolah sehingga peringkat universiti manakala usaha bagi membolehkan rakyat turut terlibat sama perlu dipergiatkan.

Sekiranya usaha memajukan ICT itu tidak difahami rakyat, jelas beliau, kerajaan akan mengalami kesukaran untuk melaksanakan kerajaan elektronik dan sekali gus membuktikan usaha itu tidak berjaya.